



## KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERUNDINGAN HUKUM SYARAK

4/113/2019

22 JANUARI 2019

### FATWA BERKENAAN HUKUM PENGISLAMAN KANAK-KANAK

Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan kali ke-113/2019 yang bersidang pada 22 Januari 2019 telah memutuskan bahawa:

1. Pengislaman kanak-kanak<sup>1</sup> yang sudah mumayyiz adalah **SAH**.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> 1. Definisi Kanak-Kanak:

- Menurut **Kamus Dewan Edisi Keempat**, “kanak-kanak” bermaksud budak lelaki atau perempuan yang masih kecil (biasanya **yang belum berumur lebih daripada 7 atau 8 tahun**). Manakala istilah “**remaja**” pula merujuk kepada seseorang yang mulai **dewasa, sudah akil baligh dan sudah cukup umur yntuk berkahwin**.
- **Seksyen 2 (1) Akta Kanak-Kanak 2001** menyebutkan bahawa kanak-kanak adalah: “seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun”
- Ibn Manzhur di dalam kitabnya **Lisan al-Arab** menyebut Al-Sighar (الصغر) dari sudut bahasa bermaksud: Kurang saiznya atau kurang umurnya maka dia adalah saghir (kecil). Ia adalah perkataan yang berlawanan dengan besar.

(Lihat Lisan al-Arab, 4/458)

- Daripada istilah Fiqh, ia membawa maksud: Suatu ciri yang dikaitkan dengan seorang manusia semenjak kelahirannya sehingga dia bermimpi (baligh).

(Lihat Kasyf Al-Asrar oleh al-Bazdawi, 4/1358)

<sup>2</sup> 1. Keputusan di atas adalah berpandukan hujah-hujah yang berikut:

- a) Sayidina Ali bin Abi Talib r.a. memeluk Islam sewaktu dia masih kecil.
- b) Sabda Rasulullah ﷺ :

مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ

**Maksudnya:** “Semua anak itu dilahirkan dalam keadaan fitrah.

(Riwayat al-Bukhari, 1357 dan Muslim, 2658)

- c) Sebahagian ulamak Syafieyyah seperti Imam al-Suyuti berpendapat bahawa sah Islam kanak-kanak yang bukan Islam apabila dia mengucap dua kalimah syahadah. Mereka berdalilkan hadis daripada Muslim al-Tamimi r.a.:

بَعْدَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي سَرِيَّةٍ فَلَمَّا هَجَّنَا عَلَى الْقَوْمِ تَفَدَّمْتُ أَصْحَابِي عَلَى فَرَسِي  
فَاسْتَفْبَلَنَا النِّسَاءُ وَالصِّبِّيَّاتُ يَضْجُونَ فَقُلْتُ لَهُنْ: تُرِيدُنَّ أَنْ تُخْرِزُوا أَنفُسَكُمْ؟ قَالُوا: نَعَمْ، قُلْتُ: فُلُوا:  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ فَقَالُوهَا فَجَاءَ أَصْحَابِي فَلَامُونِي، فَقَالُوا: أَشْرَفْنَا عَلَى  
الْغَنِيمَةِ فَمَنَعْتُنَا مُمْمَنْعُنَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: مَا تَذَرُونَ مَا صَنَعْ؟ لَقَدْ كَتَبَ اللَّهُ لَهُ  
مِنْ كُلِّ إِنْسَانٍ كَذَا وَكَذَا مِنَ الْأَجْرِ، ثُمَّ أَذْنَانِي مِنْهُ

**Maksdunya:** “Nabi ﷺ telah mengutuskan kami dalam suatu peperangan/ ketika kami menyerang musuh, aku dapat mendahului sahabat-sahabatku dengan cara menunggang kuda. Lalu kami menemui para wanita dan kanak-kanak yang berteriak ketakutan. Aku berkata kepada mereka: “Sukakah kamu menyelamatkan diri kamu?” Mereka menjawab: “Ya”. Aku berkata: “Ucapkanlah: Kami bersaksi tiada tuhan melainkan Allah dan sesungguhnya Muhammad, hamba dan Pesuruh-Nya.” Maka mereka pun mengucap syahadah itu. Lalu sahabat-sahabatku mengatakan kepadaku: “Hampir sahaja kitya memperolehi harta rampasan perang akan tetapi engkaulah yang menghalang kami.” Kemudian kami berangkat menuju Rasulullah ﷺ, lalu baginda bersabda: “Tahukah kamu apa yang telah dibuat olehnya? Sesungguhnya Allah telah menulis baginnya setiap manusia begini, begitu (yakni pahala tertentu bagi Muslim)” Kemudian baginda mendekatiku.”

[Riwayat al-Tabarani: al-Mu'jam al-Kabir (1052), Sunan Abu Daud (5050) dan Sahih Ibn Hibban (2022)]

Imam al-Suyuti berdalilkan hadis di atas selepas menyatakan:

“(Menerima pengislaman kanak-kanak) tidak menafikan hadis (hadis Ali di atas). Sesungguhnya hanya sahnya yang dinafikan ialah balasan azab jika suatu kemungkaran itu berlaku sewaktu umur kanak-kanak dan keislamannya seperti ibadat. Begitu juga sah puasa kanak-kanak, solat, haji dan lain-lain, maka sah jugalah Islamnya.

(Rujuk al-Asybah wa al-Nazair, 221)

- d) Berkata Imam Ibn al-Qayyim dalam *Ahkam Ahl al-Dzimmah* (2/906): “Nabi ﷺ tidak sekali-kali pernah menolak keislaman seseorang yang masuk Islam daripada kalangan kanak-kanak, yang dewasa, orang merdeka, hamba, lelaki dan perempuan.

*Nabi ﷺ sendiri tidak pernah memerintahkan, begitu juga tidak pernah para khalifahnya dan sahabat-sahabat lain, supaya kanak-kanak yang masuk Islam sebelum baligh memperbaharui Islamnya. Perkara ini tidak pernah diketahui terjadi dalam sejarah Islam.*

- e) Hukum ini disokong oleh hadis yang diriwayatkan Anas bin Malik r.a.:

كَانَ غُلَامٌ يَهُودِيٌّ يَخْدُمُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَمَرِضَ، فَأَتَاهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعُوذُ، فَعَدَ عِنْدَ رَأْسِهِ، فَقَالَ لَهُ: أَسْلِمْ، فَنَظَرَ إِلَى أَبِيهِ وَهُوَ عِنْدَهُ فَقَالَ لَهُ: أَطْعِ أَبَا الْقَاسِمِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَسْلَمَ، فَخَرَجَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يَقُولُ: الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْقَذَهُ مِنَ النَّارِ

Bertarikh 22 Januari 2019  
MJKPHSWP Kali ke 113/2019

**DATUK DR ZULKIFLI BIN MOHAMAD AL-BAKRI**  
Pengerusi  
Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak  
Wilayah Persekutuan



**Maksudnya:** Ada seorang kanak-kanak Yahudi yang berkerja dengan Nabi ﷺ kemudian kanak-kanak itu jatuh sakit. Nabi ﷺ datang menziarahinya, dan baginda duduk di sisi kepalanya seraya bersabda kepadanya: “Islalah kamu”, lalu dia memandang ayahnya yang ada di sisinya. Ayahnya berkata kepadanya: “Taatilah Abu al-Qassim (gelaran Nabi ﷺ).” Lalu dia pun masuk Islam dan Nabi ﷺ keluar seraya berkata: “Segala puji bagi Allah yang telah menyelamatkan anak itu daripada neraka.”

(Riwayat al-Bukhari, 1356)

- f) Imam Ibn Hajar al-Asqalani apabila mensyarahkan hadis ini, beliau bersetuju dengan pendapat yang mengesahkan keislaman kanak-kanak dengan berkata bahawa hadis ini, antara lain, dalil keharusan mendakwahkan Islam kepada kanak-kanak. Kata beliau, jika keislaman itu tidak sah, mengapakah Rasulullah ﷺ mengajak kanak-kanak itu kepada Islam? Begitu juga apabila baginda bersabda bahawa Allah s.w.t. telah menyelamatkannya daripada neraka yang menjadi dalil bahawa sah keislaman kanak-kanak itu, yakni sekiranya kanak-kanak itu membesar sebagai seorang kafir lalu mati, nescaya dia akan diazab.

(Rujuk Fath al-Bari, 3/221)